

Headline	Siswa cemerlang UPM terima anugerah	Language	MALAY
Date	03. May 2008	Page No	27
Media Title	Berita Harian	Article Size	297 cm2
Section	Pendidikan	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000		



Siswa cemerlang UPM terima anugerah

Oleh Rosniza Mohd Taha

PEMBABITAN aktif pelajar universiti dalam kegiatan kokurikulum terbukti tidak menjejaskan pencapaian akademik, malah membolehkan mereka menonjolkan bakat dan kemahiran dalam pelbagai bidang hingga ke peringkat antarabangsa.

Ini dibuktikan penerima Anugerah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) 2008, Mohd Firdaus Zakaria, yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.080 bagi pengajian *Bachelor Sains (Perniagaan Tani)*.

Beliau yang aktif dalam bidang sukan dan kebudayaan pernah mewakili negara membentangkan kajian ilmiah pada sidang kemuncak Penuntut Mengenai Makanan, Pertanian dan Alam Sekitar ke-7 di Tokyo University of Culture tahun lalu.

Dalam bidang kokurikulum, beliau pernah mewakili UPM sebagai pelari jarak jauh dan pemain ragbi, selain cergas aktiviti kebudayaan sebagai pemain ghazal dan turut membuat persembahan di China.

"Pembabitan aktif pelajar dalam kegiatan kokurikulum memang 'mencuri' masa belajar kita, namun ia tidak seharusnya dijadikan alasan kerana kita boleh memanfaatkan setiap saat terluang untuk mengulang kaji pelajaran.



TERIMA ANUGERAH: Dari kiri, Norly Sairah Zainal, Aznin Awanis Azmi, Ong Poh Shing, Azmi Zainuddin, Mohd Hafiez Ali dan Azme Yahya, gembira selepas menerima Anugerah Naib Canselor di Serdang, baru-baru ini.

"Sebenarnya, semangat dan motivasi adalah tunjang kepada pencapaian matlamat dan pelaksanaan aktiviti harian kita sebagai pelajar universiti," katanya ketika ditemui pada Majlis Anugerah Naib Canselor (ANC) UPM

2007/2008, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai 67 pelajar tahun akhir UPM menerima anugerah berkenaan daripada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr

Nik Mustapha R Abdullah.

Sementara itu, Nik Mustapha dalam ucapannya berkata, daripada 223 pemohon yang layak dipertimbangkan bagi menerima ANC 2007/2008, hanya 67 terpilih setelah dinilai dua jawatankuasa panel.